



BERNAMA.COM

Get It Right

KPDNHEP Pahang rampas lebih 3,000 jam tiruan

KUANTAN, 10 Mac -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang merampas 3,239 unit jam tangan tiruan menggunakan jenama terkenal dianggarkan bernilai RM107,091 dari tiga premis perniagaan di daerah ini.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Negeri Ahmad Fitri Ali berkata Op Jeriji di Jalan Mat Kilau dan Jalan Putra Square serta sebuah pasar raya pada 3 petang semalam, juga menyaksikan pihaknya merampas topi dan beg juga berjenama tiruan dengan nilai keseluruhan RM14,304.

"Antara jenama jam tiruan yang dirampas ialah G-Shock, Puma, Casio dan Daniel Wellington dengan ada premis yang mencampurkan jam tiruan ini bersama barang asli bagi mengelirukan pembeli dan penguat kuasa.

"Barangan ini dipercayai diperoleh dari Lembah Klang untuk dijual sekitar daerah ini termasuk di pasar malam, dengan harga jualan bagi semua barang antara RM15 ke RM75," katanya pada sidang media di pejabat KPDNHEP di sini, hari ini.

Ahmad Fitri berkata pihaknya menahan lima suspek terdiri daripada seorang lelaki warga tempatan dan masing-masing dua wanita dan lelaki warga Pakistan berusia antara 20 hingga 53 tahun dipercayai pekerja di premis berkenaan.

Katanya mereka kini direman selama empat hari mulai hari ini dengan kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 102(1)(b) Akta Cap Dagangan 2019 iaitu menjual atau menawarkan atau mendedahkan bagi jualan apa-apa barang yang suatu cap dagangan didaftarkan dipakaikan dengan salah di bawah Seksyen 100 akta yang sama.

Di bawah seksyen itu, pertubuhan yang didapati bersalah menjual barang tiruan boleh didenda maksimum RM15,000 bagi setiap barang, manakala bagi kesalahan kedua dan berikutnya boleh didenda maksimum RM30,000 bagi setiap barang.

Ahmad Fitri berkata hukuman terhadap selain daripada pertubuhan, jika sabit kesalahan, pula ialah denda maksimum RM10,000 bagi setiap barang atau penjara hingga tiga tahun atau keduanya-duanya, manakala bagi kesalahan berikutnya boleh didenda maksimum RM20,000 atau penjara lima tahun atau keduanya-duanya.

-- BERNAMA